

1. Beri penjelasan kepada konsep-konsep berikut beserta contoh-contoh yang sesuai dalam konteks kajian komunikasi pembangunan sosial.
 - (a) Empati
 - (b) Homofili
 - (c) *Need for Achievement*
 - (d) Pro-Media Massa
 - (e) Paradigma dominan

2. Jelaskan peranan dan hubungan tiga sub-sistem pengembangan iaitu sub-sistem penyelidikan, sub-sistem pengembangan dan sub-sistem klien dalam konteks sistem pengembangan di Malaysia di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Apakah faktor-faktor yang boleh membantu kejayaan agen pengembangan dalam usaha mengubah pihak klien?

3. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan inovasi dan difusi? Rogers (1995) menyatakan sesuatu inovasi itu akan mudah diterima oleh masyarakat apabila ia memenuhi ciri-ciri tertentu. Berdasarkan contoh yang khusus, bincangkan ciri-ciri tersebut.

4. Pemasaran sosial adalah usaha untuk mempromosi penerimaan sesuatu tingkahlaku untuk meningkatkan kesejahteraan khalayak sasaran atau masyarakat menggunakan teknik pemasaran komersial (Weinreich, 1999). Anda dikehendaki melaksanakan kempen pemasaran sosial tentang Kebersihan Tandas Awam di kalangan masyarakat. Bincang secara sistematik langkah-langkah yang anda akan lakukan dalam menjayakan usaha ini.

5. Deklarasi Matlamat Pembangunan Mellinium pada tahun 2000 mempunyai 8 matlamat besar termasuk memastikan kelestarian pembangunan alam sekitar. Bincangkan peranan hiburan pendidikan [*edutainment*] dan teknologi komunikasi informasi [ICT] dalam menentukan kejayaan agenda ini dalam konteks negara Malaysia.